

26 JUL 1999

DR MAHATHIR LAWAT PERAK 2 DAN 3 OGOS

IPOH, 26 Julai (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak pada 2 dan 3 Ogos akan dipenuhi pelbagai acara termasuk pertemuan dengan pemimpin parti dan menyampaikan amanat kepada rakyat.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata program lawatan Dr Mahathir akan dimulai pada hari pertama dengan perjumpaan dengan anggota Jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri di kediaman rasmi Menteri Besar.

Ia akan diikuti perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Pemuda, Wanita dan bahagian Umno di Dewan Bandaran di sini.

Beliau juga akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama ketua-ketua kaum dan wakil dewan-dewan perniagaan pada hari tersebut diikuti dengan perjumpaan dengan wakil-wakil Barisan Nasional Perak pada sebelah petang.

Pada malamnya pula Perdana Menteri akan menghadiri majlis perjumpaan bersama rakyat di Stadium Perak yang dijangka dihadiri 50,000 orang.

Acara pada hari kedua pula dimulakan dengan pelancaran projek rumah kos rendah segera di Bercham Jaya.

Pada majlis itu beliau turut dijadual mengadakan majlis ramah mesra dengan ketua-ketua kampung dan pemimpin masyarakat Orang Asli sebelum bertolak pulang pada pukul 11.45 tengah hari.

-- BERNAMA

HJ NMO